

AIR MINERAL MALAYSIA - SATU PENILAIAN KRITIS

MOHAMAD ALI HASAN

Jabatan Geologi
Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur

Kedapatan air mineral (galian), sama ada yang dilimpot atau 'buatan' Malaysia, semakin hari semakin bertambah jumlahnya di pasaran Malaysia sekarang. Komoditi unik ini mendapat perhatian dan sambutan awam dengan sebab-sebab tersendiri. Dari kajian awal adalah dipercayai Malaysia mempunyai potensi yang baik untuk mengusahakan air mineral keluaran negeri ini tersendiri. Ini tentunya antara lain dapat menjimatkan kos mengimport air mineral luar negeri dan dapat juga memanfaatkan sumber-sumber air mineral di Malaysia.

Tujuan pembentangan kertas ini antara lain adalah, untuk memperkatakan:

- i) Apakah sebenarnya takrifan dan ciri-ciri penting air mineral.
- ii) Apakah sebab-sebabnya air mineral mendapat perhatian dan sambutan masyarakat Malaysia dewasa ini.
- iii) Analisis unsur-unsur galian penting air mineral yang dilimpot; air mineral buatan Malaysia dan air dari kawasan punca air mineral Malaysia.
- iv) Penilaian kritis terhadap air mineral 'buatan' Malaysia.
- v) Syor beberapa lokasi punca air mineral Malaysia.
- vi) Proses mengusahakan pengeluaran air mineral secara komersial yang lebih terjamin.
- vii) Kesimpulan dan syor.

Adalah juga ditekankan di sini bahawa pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah mengambil langkah-langkah segera industri air mineral ini akan terus diberi perhatian yang lebih bermakna untuk bukan sahaja nama baik industri itu sendiri tetapi juga pihak kerajaan yang memerintah.